

# PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP KESEDARAN MENGHASILKAN PROJEK INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN PENDIDIK

Mohamad Zakaria Mat Khazani (PhD)<sup>\*</sup> & Norhani Bebe Binti Alta Miah<sup>+</sup>

\* Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPG Ilmu Khas

+ Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor

## Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan melihat faktor-faktor yang memberi kesan kepada kesedaran pendidik dalam membangunkan projek inovasi untuk kegunaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) di peringkat Institut Pendidikan Guru atau di sekolah. Permasalahan awal yang dikenal pasti pada era masa kini, pendidik diasak dengan pelbagai tugas rutin, termasuklah berusaha menghabiskan silihbus untuk persediaan pelajar terhadap peperiksaan. Dalam kesibukan dan mengejar masa para pendidik kurang memberi fokus untuk melahirkan daya kreativiti mereka. Mereka sekadar bekerja untuk memenuhi kehendak asas organisasi. Seharusnya, sebagai guru daya kreatif merupakan satu cabang yang harus ada dalam diri mereka. Melalui kreativiti guru akan lebih mudah melakukan inovasi dalam menghasilkan sesuatu projek ke arah membantu pelajar mempelajari dan menguasai kandungan pelajaran. Kreativiti akan membawa kepada keupayaan mereka merancang, mentadbir dan menguruskan pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kelas. Ketidakupayaan mempelbagaikan teknik PdP dalam kalangan pendidikan berkemungkinan pembelajaran dalam kelas menjadi hambar dan kurang menarik. Fokus utama kajian ini untuk melihat sama ada para pendidik sedar tentang keperluan mereka untuk melakukan inovasi. Selain itu bagi mengenalpasti apakah faktor pengaruh persekitaran kerja menyebabkan para pendidik menjadi lebih bersemangat dalam menjalankan inovasi ke arah penyelesaian masalah dalam PdP. Reka bentuk kajian ini adalah secara kuantitatif dan kualitatif. Sampel tinjauan dipilih menggunakan kaedah rawak bertujuan dalam kalangan peserta pertandingan kreativiti dan ivovasi peringkat kebangsaan. Responden terdiri daripada 120 orang guru dan pensyarah dari Jabatan Pelajaran Negeri dan 20 Institut Pendidikan Guru masing-masing. Temu bual berstruktur iaitu pendekatan kualitatif melibatkan dua orang responden. Soal selidik tinjauan ditadbirkan terus antara pengkaji dan responden. Data soal selidik tinjauan dianalisis dengan perisian SPSS versi 11.5. Analisis data menggunakan statistik diskriptif dan inferensi seperti peratus, Ujian-t, dan ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan cabaran pendidik dalam membangunkan projek inovasi dipengaruhi secara signifikan pada tahap sederhana dengan **persekitaran kerja** yakni autonomi, sumber, dorongan superior, sokongan organisasi dan penglibatan kerja berkumpulan yang diterima oleh mereka. Impak kajian ini mendorong pihak pengurusan dan rakan sejawat mengambil kira aspek persekitaran kerja dalam **memberi kesedaran** kepada para guru menghasilkan projek inovasi untuk menambah kualiti pembelajaran dan pengajaran dalam amalan tugas mereka.

**Kata kunci:** Autonomi, sumber, mengutamakan kerja kumpulan, dorongan superior dan sokongan organisasi